



StarCruises Welcomes RMHC Malaysia Families Aboard the *Star Voyager*.

Special Event Brings Joy to Children and Families Ahead of Port Klang Sailing Season



Smiles, laughter and special moments — StarCruises warmly welcomes RMHC families and volunteers aboard *Star Voyager* in Port Klang for a day filled with joy and togetherness.

20 December 2025 | Kuala Lumpur — StarCruises, in collaboration with the **Ronald McDonald House Charities Malaysia (RMHC Malaysia)**, today hosted nearly 200 families and paediatric patients aboard the *Star Voyager* cruise ship during a special port-stay event. The patients and their families are beneficiaries of the Ronald McDonald House (RMH), a facility that serves as a “home away from home” for families accompanying their children while receiving treatment at Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur.

This event marks the maiden voyage of the *Star Voyager* for the 2025/2026 season from Port Klang, operating from 19 December 2025 to 2 February 2026, with destinations including Phuket, Singapore and Bintan.

This event reflects StarCruises’ ongoing commitment to supporting and engaging with local communities. As part of its **Corporate Social Responsibility (CSR)** programme under the theme **“Bringing Hope and Happiness Onboard and Beyond,”** the initiative underscores the company’s dedication to fostering meaningful collaborations across various ports and destinations throughout Asia.

In line with this spirit, StarCruises is proud to collaborate with RMHC Malaysia, which provides temporary accommodation through the Ronald McDonald House (RMH) for families with children undergoing medical treatment, offering comfort and support during challenging times.





“On behalf of StarCruises, we are delighted to have the RMHC families with us aboard the Star Voyager. As we begin our Port Klang deployment this season, it was a joy for our crew to spend the day with the children and their families, sharing smiles, laughter and memorable moments together. We hope this day has brought happiness to everyone involved and created lasting memories,” said **Michael Goh, President, StarDream Cruises.**

This special event brought together families, crew members and special guests for a joyful experience, featuring appearances by the StarCruises and McDonald’s mascots, as well as family-friendly acrobatic performances, magic shows and dance performances by the *Star Voyager* team.

Adding to the joy of the event, **StarCruises further surprised RMHC families by gifting selected families with complimentary cruise packages**, giving them something special to look forward to — a future cruise holiday aboard ***Star Voyager*** or her sister ship, ***Genting Dream*** under **Dream Cruises**, departing from Port Klang.

RMH families were also treated to a delightful Halal afternoon tea at The Lido restaurant, the ship’s inclusive dining venue featuring a dedicated Halal-certified section. Children were entertained with balloon art, clown performances, and creative craft activities. Crew members also took them on tours of the ship, showcasing its recreational facilities and onboard attractions. The ship’s crew engaged warmly with the young patients, making the experience full of joy and happiness.

“StarCruises and RMHC Malaysia hope that collaborations like this can serve as an example for other companies to support families facing challenges while accompanying their children undergoing long-term medical treatment in hospitals. Experiences like these provide families with the opportunity to take a temporary break from the stressful hospital environment. Companies and the community can also assist families by contributing through RMHC Malaysia,” said **Mohd Nasri Mohd Nordin, General Manager of RMHC Malaysia.**

“Aryan was very excited to have the opportunity to visit the cruise ship. It was something we never imagined, especially after going through challenging times. My husband and I once slept in the hospital lobby while Aryan underwent surgery. So, we are truly grateful to RMHC for providing comfortable accommodation and to StarCruises for brightening our lives with this special event. This joyful once-in-a-lifetime experience will surely be remembered by Aryan forever,” said **Mrs. Rohaya, mother of Aryan Haiqal, who was born with a serious congenital condition.**

StarCruises’ mission is also aligned with RMHC Malaysia’s, as it is committed to continuously supporting and contributing to local communities, in line with the company’s efforts to make the cruising experience a platform that delivers benefits and positive impact to society.





To support families with children undergoing medical treatment, donations to Ronald McDonald House Charities (RMHC) Malaysia can be made at: <https://rmhc-malaysia.my/>



Special Memento exchange between StarCruises & RMHC Malaysia: Left to Right: StarCruises mascot (Pin Pin), Mr. Michael Goh (President, StarCruises), Mr. Nasri Md. Nordin (General Manager RMHC Malaysia), Mr. Mithun Shetty (Hotel Director, Star Voyager) & McDonald's mascot (Hamburglar).




Big smiles as StarCruises surprises RMHC families with a lucky draw to win cruise holidays.



Laughter fills the ship as the Star Voyager crew engages RMHC families and volunteers with interactive games and exciting activities.





StarDream Cruises: The Cruise Line that Knows Asia Best.

Officially launched on 26 March 2025, StarDream Cruises combines over three decades of cruising expertise, ushering in a new era of extraordinary voyages across Asia and beyond. The cruise line introduces two iconic brands—StarCruises and Dream Cruises - each offering a distinct experience that honours the legacy of their predecessors while elevating the standard for world-class cruising in Asia.

StarCruises brings affordable, lifestyle-driven cruising to the Asian market with intimate, mid-sized ships that accommodate up to 2,000 guests, offering a more personal cruising experience across Southeast and East Asia aboard the *Star Voyager* and *Star Navigator* cruise ships. Meanwhile, Dream Cruises redefines luxury cruising with expansive ships that cater to more than 3,000 guests, offering exclusive privileges and premium amenities. The *Genting Dream*, Dream Cruises' flagship, is homeported in Singapore year-round, sailing to various destinations in Malaysia, Indonesia and Thailand.

With decades of experience in hospitality and cruising, StarDream Cruises is set to redefine the cruise experience, catering to a diverse range of markets, offering tailored experiences that appeal to various demographic segments.

Background of RMHC Malaysia

The Ronald McDonald House Charities Malaysia (RMHC Malaysia) was established in February 1990 as a non-profit organisation with a mission to create, find, and support programmes that directly improve the health and well-being of underprivileged children in Malaysia. RMHC Malaysia operates four main programmes that support its core pillars of Health, Education, and Welfare. These programmes include the Ronald McDonald House, Ronald McDonald Sensory Therapy Rooms, the Smile Award programme, and the Back-to-School Packs programme. Over the past 35 years, RMHC has positively impacted more than 200,000 children in the areas of health, education, and welfare, with total funding exceeding RM60 million.

Funds to carry out these programmes are raised through individual donations collected via donation boxes at McDonald's restaurants, as well as sponsorships and contributions from corporate partners. For more information about RMHC, please visit <https://rmhc-malaysia.my/>.





StarCruises Menyambut Keluarga RMHC Malaysia di Atas Kapal Persiaran *Star Voyager*.

Acara Khas Membawa Kegembiraan kepada Kanak-kanak dan Keluarga Menjelang Musim Pelayaran dari Pelabuhan Klang



StarCruises meraikan keluarga dan sukarelawan RMHC dengan seharian penuh keseronokan dan kegembiraan di atas *Star Voyager* di Pelabuhan Klang.

20 Disember 2025 | Kuala Lumpur — StarCruises dengan kerjasama **Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC Malaysia)** hari ini menyantuni hampir 200 keluarga dan pesakit kanak-kanak di atas kapal persiaran ***Star Voyager*** dalam sebuah acara port-stay yang istimewa. Pesakit serta ahli keluarga yang diraikan adalah penerima manfaat Rumah Ronald McDonald (RMH), sebuah kemudahan yang berfungsi sebagai “rumah kedua” atau *home away from home* bagi keluarga yang menemani anak-anak mendapatkan rawatan di Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur.

Acara ini menandakan pelayaran pertama *Star Voyager* bagi musim 2025/2026 dari Pelabuhan Klang, bermula 19 Disember 2025 hingga 2 Februari 2026, dengan destinasi termasuk Phuket, Singapura dan Bintan.

Acara ini mencerminkan komitmen berterusan StarCruises dalam menyokong dan berinteraksi dengan komuniti tempatan. Sebagai sebahagian daripada program **Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)** di bawah tema “***Membawa Harapan dan Kegembiraan di Atas Kapal dan Setiap Destinasi,***” inisiatif ini menekankan dedikasi syarikat dalam mewujudkan kerjasama yang bermakna di pelbagai pelabuhan dan destinasi di Asia.





Sejajar dengan semangat itu, StarCruises berbangga bekerjasama dengan RMHC Malaysia, yang menyediakan penginapan sementara melalui RMH untuk keluarga dengan anak-anak yang menjalani rawatan perubatan, memberikan keselesaan dan sokongan sewaktu mereka menghadapi masa-masa mencabar.

“Bagi pihak StarCruises, kami amat gembira dapat menyambut keluarga RMHC di atas kapal persiaran Star Voyager. Kru kami turut berasa sangat gembira dapat bersama kanak-kanak dan keluarga RMHC sempena permulaan pelayaran Star Voyager dari Pelabuhan Klang bagi musim baru ini. Peluang ini amat bermakna kerana kami dapat berkongsi senyuman dan kami berharap pengalaman ini akan meninggalkan kenangan indah kepada semua yang terlibat,” kata **Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**.

Acara khas ini menyatukan keluarga, kru dan tetamu istimewa dengan pengalaman ceria, termasuk kemunculan maskot StarCruises dan McDonald’s, serta persembahan akrobatik, silap mata dan tarian mesra keluarga oleh pasukan *Star Voyager*.

Menambah kepada keceriaan acara itu, StarCruises turut menghadiahkan **pakej pelayaran percuma** kepada ahli keluarga penerima manfaat RMH terpilih, yang memberi mereka peluang untuk menikmati percutian masa depan di atas kapal persiaran **Star Voyager** dan juga **Genting Dream** di bawah **Dream Cruises**, berlepas dari Pelabuhan Klang.

Keluarga RMH turut menikmati minum petang halal di restoran The Lido yang menawarkan ruangan Halal khusus, sementara kanak-kanak terhibur dengan aktiviti seni belon, persembahan badut dan kraf kreatif. Anak kapal turut membawa mereka menyertai lawatan sekitar kapal memperkenalkan kemudahan rekreasi serta tarikan-tarikan. Kru kapal juga berinteraksi dengan pesakit kanak-kanak, menjadikan pengalaman ini penuh keceriaan.

“StarCruises dan RMHC Malaysia berharap kolaborasi seperti ini dapat di contohi oleh syarikat lain untuk menyokong keluarga yang menghadapi cabaran menemani anak-anak yang sedang menjalani rawatan perubatan di hospital dalam jangkawaktu yang panjang. Pengalaman seperti ini memberi peluang kepada keluarga untuk keluar untuk sementara waktu daripada suasana hospital yang menekan. Syarikat dan masyarakat juga boleh membantu keluarga dengan menyumbang melalui RMHC Malaysia,” kata **Mohd Nasri Mohd Nordin, Pengurus Besar RMHC Malaysia**.

“Aryan sangat teruja mendapat peluang melawat kapal pelayaran. Ia sesuatu yang tidak pernah kami bayangkan terutamanya selepas melalui detik-detik mencabar. Saya dan suami pernah tidur di lobi hospital sewaktu Aryan menjalani pembedahan. Jadi kami amat berterima kasih kepada RMHC yang menyediakan penginapan selesa dan juga kepada StarCruises kerana menceriakan kami dengan aktiviti istimewa ini. Pengalaman gembira sekali seumur hidup ini pasti akan dikenang oleh Aryan selama-lamanya,” kata **Puan Rohaya, ibu Aryan Haiqal** yang lahir dengan keadaan kongenital yang serius.





Misi StarCruises juga selari dengan RMHC Malaysia iaitu ia komited untuk terus menyokong dan menyumbang kepada komuniti setempat, selaras dengan usaha syarikat untuk menjadikan pengalaman pelayaran sebagai platform yang memberi manfaat serta impak positif kepada masyarakat.

Untuk menyokong keluarga dengan anak-anak yang sedang menjalani rawatan perubatan, sumbangan kepada **Ronald McDonald House Charities (RMHC) Malaysia** boleh dibuat di: <https://rmhc-malaysia.my/> .

	<p>Pertukaran cenderahati istimewa antara StarCruises dan RMHC Malaysia. Dari kiri ke kanan: maskot StarCruises, Pin Pin; Encik Michael Goh (Presiden, StarCruises); Encik Nasri Md. Nordin (Pengurus Besar, RMHC Malaysia); Encik Mithun Shetty (Pengarah Hotel, Star Voyager); dan maskot McDonald's, Hamburglar.</p>
	<p>Keceriaan terserlah apabila StarCruises menjemput keluarga RMHC menyertai cabutan bertuah untuk memenangi percutian cruise.</p>
	<p>Keluarga dan sukarelawan RMHC bersukaria dengan aktiviti interaktif di kapal persiaran Star Voyager.</p>





StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran Asia

Dilancarkan secara rasmi pada 26 Mac 2025, StarDream Cruises menggabungkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran, memulakan era baharu pelayaran luar biasa merentasi Asia dan destinasi sekitarnya. Jenama ini menampilkan dua kategori utama, StarCruises dan Dream Cruises. Masing-masing menawarkan pengalaman unik yang mengekalkan legasi terdahulu sambil meningkatkan standard pelayaran bertaraf dunia di Asia.

StarCruises memberikan pengalaman pelayaran gaya hidup yang mampu milik kepada pasaran Asia melalui kapal bersaiz sederhana seperti Star Voyager dan Star Navigator, manakala Dream Cruises menawarkan pengalaman pelayaran mewah dengan kapal besar seperti Genting Dream yang ditempatkan di Singapura sepanjang tahun.

Dengan pengalaman luas dalam hospitaliti dan pelayaran, StarDream Cruises komited untuk mendefinisikan semula pengalaman pelayaran bagi pelbagai segmen pasaran melalui tawaran yang disesuaikan mengikut keperluan demografik berbeza.





Latarbelakang RMHC Malaysia

Persatuan Kebajikan Ronald McDonald Malaysia (RMHC Malaysia) telah ditubuhkan pada Februari 1990 sebagai sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dengan misi untuk mewujudkan, mencari dan menyokong program yang secara langsung meningkatkan tahap

kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak kurang bernasib baik di Malaysia. RMHC Malaysia mengendalikan empat program utama yang menyokong terasnya dalam bidang Kesihatan, Pendidikan dan Kebajikan. Program-program tersebut ialah Rumah Ronald McDonald, Bilik Terapi Sensori Ronald McDonald, program Anugerah Senyuman, dan program Pek Kembali ke Sekolah. Dalam tempoh 35 tahun yang lalu, RMHC telah memberi impak positif kepada lebih daripada 200,000 kanak-kanak dalam aspek kesihatan, pendidikan dan kebajikan dengan jumlah pembiayaan melebihi RM60 juta.

Dana bagi melaksanakan program-program ini dikumpulkan melalui sumbangan individu yang disalurkan menerusi tabung derma di restoran McDonald's serta tajaan dan sumbangan daripada syarikat korporat. Untuk maklumat lanjut mengenai RMHC, sila layari <https://rmhc-malaysia.my/>.

